

11 JUN 2001

Mahathir-Petroleum

PETRONAS TIDAK AKAN TINGKATKAN PENGELUARAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak berhasrat meminta syarikat petroleum kebangsaan, Petronas, meningkatkan pengeluaran, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, Petronas sentiasa mengeluarkan minyak dalam kuantiti terhad dan ini akan diteruskan walaupun negara mengharungi keadaan ekonomi yang sukar.

"Walaupun kita mengharungi keadaan yang sukar, Petronas akan berhemat dalam pengeluaran minyak dan gas kerana kita tidak mahu rizab kita berkurang dan akhirnya kehabisan," katanya apabila melancarkan sebuah buku bertajuk "A Vision Realised-The Transformation of a National Oil Corporation" di sini.

Buku itu adalah mengenai sejarah Petronas dan aktivitinya sejak 25 tahun lepas.

Dr Mahathir berkata, sebab itulah Petronas tidak hanya menumpukan pada penerokaan minyak di dalam negara sahaja tetapi mengembangkan sayap ke luar negara mencari usahasama dengan syarikat-syarikat multinasional yang terbabit dalam pengeluaran minyak dan gas.

"Sejak mengembangkan sayap ke luar negara Petronas telah berkembang dengan pesat dengan menjalankan kerja-kerja di 25 negara sehinggakan 30 peratus daripada pendapatan syarikat itu datang daripada pelaburan asingnya," kata beliau.

Pencapaian Petronas dianggap baik memandangkan syarikat itu mula beroperasi baru 25 tahun lepas.

Pembangunan pesat negara memaksa firma-firma Malaysia seperti Petronas untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam tempoh yang singkat.

"Petronas satu-satunya syarikat yang telah mewujudkan tenaga kerja profesional dan berkemahiran di setiap peringkat perniagaannya dan eksekutif-eksekutifnya telah membuktikan yang mereka setanding dengan rakan-rakan dalam industri, kata beliau lagi.

Perdana Menteri berkata melalui tenaga kerja berkemahiran, syarikat petroleum kebangsaan itu belajar berhemat dalam menjalankan kerja-kerja penerokaan minyak dan gas di luar negara.

"Banyak negara meminta Petronas memulakan penerokaan minyak dan gas di negara masing-masing dan dengan tenaga kerja berkemahiran syarikat itu berjaya mengurangkan risiko," katanya.

Beliau memberi contoh penerokaan yang dijalankan oleh Petronas di Sudan, di mana tiada syarikat multinasional lain yang berani melabur dalam projek itu.

Tenaga kerja mahir Petronas membolehkan syarikat itu menunjukkan keputusan yang baik walaupun negara dan rantau menghadapi masalah ekonomi sejak beberapa tahun lepas.

Beliau berkata Petronas sejak 25 tahun lepas telah berkembang melampaui batasan imiginasi dan jika tempoh itu dibandingkan "ia masih usia yang mudah bagi syarikat minyak dan gas itu."

"Siapa yang terfikir di tahun-tahun awal yang pesisir pantai Terengganu mengandungi sumber minyak dan gas...kita agak bernasib baik kerana kerajaan memberikan kontrak mengikut bahagian-bahagian kecil dan bukan mengikut blok...bayangkan apa yang akan berlaku jika syarikat multinasional asing mendapat peluang untuk meneroka minyak di situ," katanya.

Mengenai buku yang dilancarkan hari ini, ia perlu dibaca oleh semua eksekutif dan ahli politik kerana ia mengisahkan bagaimana cita-cita

membawa kejayaan.

"Kejayaan Petronas bukti cita-cita ini menjadi realiti seperti Wawasan 2020 yang ilhamkan untuk menjadi negara maju dalam definisi kita sendiri," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SR ES PR